

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 1(8)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN  
SUBANG JAYA BIL. 08 TAHUN 2014**

---

**Tarikh : 30 September 2014 (Selasa)**  
**Masa : 10.00 pagi hingga 11.00 pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

**HADIR**

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | YBhg. Dato' Asmawi bin Kasbi<br>Yang Dipertua MPSJ        | - | Pengerusi               |
| 2.  | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid<br>Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Pooi Weng Keong                                     | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Encik Stephen Chin Sou Bong                               | - | "                       |
| 5.  | Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh                 | - | "                       |
| 6.  | Encik Tai Cheng Heng                                      | - | "                       |
| 7.  | Encik Michael Tamilarason a/l K. Nadaysen                 | - | "                       |
| 8.  | Encik Sufari bin Tinnin                                   | - | "                       |
| 9.  | Encik Chong Hoon Ming                                     | - | "                       |
| 10. | Puan Azizan binti Jamaludin                               | - | "                       |
| 11. | Encik Chia Yew Ken  | - | "                       |

- |     |  |   |   |
|-----|--|---|---|
| 12. | Puan Sazana binti Isa                    | - | " |
| 13. | Encik Loka Ng Sai Kai                    | - | " |
| 14. | Encik Michael Noel Jalleh                | - | " |
| 15. | Encik Yap Kok Weng                       | - | " |
| 16. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh       | - | " |
| 17. | Ir. Izham bin Hashim                     | - | " |
| 18. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 19. | Puan Rozaina binti Hamzih                | - | " |
| 20. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi           | - | " |
| 21. | Puan Norzaihan binti Ismail              | - | " |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |                      |   |             |
|----|----------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Wan Hock Leong | - | Ahli Majlis |
|----|----------------------|---|-------------|

**TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Encik Mohd Fadzil bin Mahat  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
3. Encik Ismail bin Muhamad  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
5. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
6. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman  
Pengarah, Jabatan Hasil
7. Puan Anita binti Abd. Jalil  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
9. Puan Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
10. Encik Zahiruddin bin Hashim  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
11. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari  
Pengarah, Jabatan Bangunan
12. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
13. Encik Fadzli bin Zubi  
Pengarah, Jabatan OSC

14. Puan Noraziah binti Ali  
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
15. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
16. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
17. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
18. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pelesenan
19. Puan Aida binti Omar  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
20. Encik Ahmad bin Hasan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
21. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
22. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
23. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
24. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
25. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
26. Cik Hasnor Salwa binti Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
27. Encik Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan

28. Puan Rohana binti Ramli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
29. Puan Nor Shahela binti Amzah  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
30. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
31. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
32. Encik Mohd Razmi bin Mat Sehat  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
33. Encik Mohd Hafiz bin Sharif  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
34. Encik Alias bin Miskon  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
35. Cik Helda Syima binti Abu Talab  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancangan Korporat
36. Puan Rosmawati binti Zainuddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
37. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
38. Encik Mohd Khairul Nazim bin Arbain  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
39. Puan Siti Kartina binti Juhari  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
40. Encik Mohd Saidi bin Alang  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
41. Cik Adibah binti Abdullah  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta

42. Puan Nadia binti Abu Baharin  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
43. Encik Mohd Safiee bin Junun  
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
44. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
45. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
46. Puan Roslailatulhani binti Md Sawal  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
47. Puan Noraini binti Nazaruddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
48. Puan Azizah binti Idris  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
49. Puan Nur Maini binti Ariffin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
50. Puan Azian binti Ropie  
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
51. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
52. Cik Nadia binti Muhamad Amin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
53. Puan Mazlina binti Mustafa  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
54. Puan Diana binti Mohamad Daim  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
55. Puan Nurul Fadhilah binti Mohd Maulud  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

56. Encik Mohd Shahrin bin Mohd Nasir  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
57. Encik Mohd Faiz bin Sharil  
Penolong Pegawai Perancang Bandar, Jabatan OSC
58. Puan Siti Syarezza binti Mohd Hisham  
Penolong Pegawai Tadbir, Jabatan COB

### **URUSETIA**

1. Encik Salmi bin Mat Saad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

## 1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Fadzil bin Mahat, Pengarah Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

## 2.0 UCAPAN Pengerusi

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 08/2014 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

### 2.1 SEMINAR INTEGRITI WARGA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SIW PBT)

Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) telah berjaya menganjurkan Seminar Integriti Warga Pihak Berkuasa Tempatan (SIW PBT) pada 11 September 2014 (Khamis) bertempat di Holiday Inn Hotel, Glenmarie, Shah Alam.

Sebanyak 3 sesi taklimat telah disampaikan oleh panel jemputan yang terdiri daripada pihak IIM, SPRM dan KPKT. Antara tajuk taklimat yang telah disampaikan ialah:

- i. Pembudayaan Integriti Dalam PBT
- ii. Isu & Cabaran Pengurusan PBT Dari Perspektif SPRM
- iii. Ke Arah Sistem Perkhidmatan Yang Berintegriti Dalam PBT

Seramai lima (5) orang Ahli Majlis MPSJ turut meluangkan masa untuk menghadiri seminar ini. Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan sukacitanya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli Majlis yang telah menghadiri Seminar Integriti Warga Pihak Berkuasa Tempatan (SIW PBT) ini.



## **2.2 HARI KOMUNITI BANDAR HIJAU MPSJ**

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah berjaya menganjurkan **Hari Komuniti Bandar Hijau MPSJ** pada **27-28 September 2014** bertempat di One City, Garden Boulevard West, Subang Jaya. Majlis Pelancaran telah disempurnakan oleh **YAB. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor**.

Antara program utama yang diadakan ke arah pembangunan Bandar Mampan ialah Seminar Rangka Kerja dan Penilaian Bandar Rendah Karbon (LCCF) dengan usahasama Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Ms. Donnell Davis, penceramah jemputan yang didatangkan khas dari Australia telah berkongsi pengalaman bersama **425 orang peserta** yang terdiri daripada Perunding Perancang Bandar, Pemaju Hartanah, Arkitek, Arkitek Landskap, Jurutera, Juruukur Tanah, Kontraktor Pembersihan, Pegawai-Pegawai Kerajaan dan juga Pensyarah serta Pelajar-Pelajar IPTA dan IPTS.

Sebanyak lapan (8) kertas kerja telah berjaya dibentangkan oleh panel-panel jemputan dari pelbagai agensi yang berkaitan dengan Seminar LCCF ini. Majlis Penutup telah disempurnakan oleh **YBhg. Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh, Timbalan Ketua Setiausaha (Teknologi Hijau dan Air) KeTTHA**.

Program-program yang berlangsung selama dua hari ini telah berjaya menarik minat lebih 5,000 orang pengunjung. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang program berlangsung adalah menjurus kepada usaha-usaha MPSJ dalam memupuk kesedaran di kalangan masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

Penyertaan awam/komuniti melalui *Wish List Green Map* yang disediakan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung dalam memberi input-input untuk menjadikan Subang Jaya sebagai Perbandaran Hijau yang diidamkan untuk didiami.

MPSJ turut mendapat sokongan padu daripada pihak pemaju di mana 9 orang CEO dan pegawai kanan pemaju telah menandatangani akujanji/*pledge* dan beriltizam untuk bersama-sama menyokong usaha murni MPSJ menjadi Perbandaran Hijau menjelang 2030.

Bersempena berlangsungnya Hari Komuniti Bandar Hijau MPSJ ini, turut diadakan ialah Acara Funrides - kayuhan basikal yang telah diadakan pada 27 September 2014 (Sabtu) dengan kayuhan sejauh 16KM. Acara ini telah berjaya mendapat penyertaan lebih daripada 500 orang peserta.

Manakala acara Larian Hijau SJ 10KM pula telah diadakan pada hari kedua Hari Komuniti Bandar Hijau MPSJ iaitu pada 28 September 2014 (Ahad) dengan penyertaan lebih daripada 2000 orang peserta yang telah menyertai acara ini dalam pelbagai kategori yang dipertandingkan.

MPSJ mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program tersebut terutama kepada pihak penaja dan rakan-rakan sinergi MPSJ yang menyokong usaha murni MPSJ ke arah menjadi Perbandaran Hijau menjelang 2030.

Majlis Perbandaran Subang Jaya turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli Majlis yang turut hadir semasa majlis perasmian **Hari Komuniti Bandar Hijau MPSJ** ini.

### **2.3 PEMANTAPAN PROSEDUR MS ISO 9001:2008**

Bagi memastikan mutu penyampaian perkhidmatan MPSJ sentiasa mengikut piawaian yang ditetapkan, MPSJ telah mengadakan Lab Dokumentasi Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2008 pada 10-12 September 2014.

Susulan daripada berlangsungnya Lab Dokumentasi Prosedur Kualiti MS ISO tersebut, satu Klinik Pemurnian ke atas prosedur-prosedur utama dilaksanakan secara berperingkat seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PROSEDUR</b>	<b>TARIKH</b>
i.	Kawalan Pembangunan Tanah	25 September 2014
ii.	Pengurusan Penyediaan dan Pembaikan Projek Infrastruktur dan Kemudahan Awam	29 September 2014
iii.	Prosedur Kawalan Rekod	3 Oktober 2014

Sehubungan itu, mutu penyampaian perkhidmatan MPSJ hendaklah sentiasa mengikut piawaian yang ditetapkan serta perlu bergerak seiring dengan hala tuju yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik MPSJ 2012-2030 (Pindaan 1/2013). Walau bagaimanapun, penambahbaikan dan pengubahsuaian ke atas strategi pelaksanaan perlu disesuaikan mengikut keadaan semasa tanpa mengubah matlamat dan teras yang telah ditetapkan.

## **2.4 VIDEO PENGURUSAN SAMPAH MASYARAKAT JEPUN**

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah mengambil inisiatif menyediakan Video Pengurusan Sampah Masyarakat Jepun untuk diedarkan kepada komuniti Subang Jaya sebagai perkongsian amalan terbaik selari dengan hasrat MPSJ untuk menjadi Perbandaran Hijau menjelang 2030.

Sehubungan itu, pihak Majlis akan mengedarkan Video Pengurusan Sampah Masyarakat Jepun ini kepada pihak Sekolah, JKP MPSJ serta fokus kepada kumpulan komuniti penduduk di kawasan Biomass Serdang.

Majlis Perbandaran di Jepun telah memulakan inisiatif pengurusan sisa domestik yang berkesan dengan membekalkan Jadual Pengutipan Sampah berasaskan zon komuniti kepada masyarakat bagi menjamin kebersihan kawasan sekitar.

Buku panduan pengasingan sisa dibekalkan sebagai rujukan untuk menentukan kategori sampah. Penduduk perlu membeli beg sampah yang dikeluarkan oleh majlis perbandaran untuk mengasingkan sampah mengikut jenis dan menghantar sampah ke pusat pengumpulan yang telah ditetapkan.

## **2.5 PENSIJILAN MS ISO/IEC 27001:2007 (ISMS)**

MPSJ telah mendapat Pensijilan MS ISO/IEC 27001:2007 untuk skop sistem pengurusan keselamatan maklumat bagi operasi pusat data merangkumi sistem OCPS, IRMS dan IFMS di Majlis Perbandaran Subang Jaya selepas audit pensijilan dilaksanakan oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Majlis Perbandaran Subang Jaya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada warga kerja yang terlibat dalam proses mendapatkan pensijilan tersebut. Semoga pelaksanaan berterusan dapat diaplikasikan bagi menjamin pengurusan keselamatan ICT MPSJ dari segi pengurusan keselamatan data dan maklumat di masa hadapan adalah selaras dengan standard antarabangsa MS ISO/IEC 27001:2007 ISMS.

## **2.6 KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2014 DAN KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE KEBANGSAAN 2014**

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menghantar dua pasukan ke Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor pada 02 - 03 Oktober 2014 (Khamis dan Jumaat).

Pasukan yang akan mewakili MPSJ pada kali ini ialah Kumpulan Elite (Jabatan Pelesenan) dengan tajuk projek "*Pengurusan Sampah Pasar Malam Yang Tidak Sistemik*" dan Kumpulan Swift (Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta) yang mempertandingkan tajuk projek "*Kerja-Kerja Penilaian Cukai Taksiran Mengambil Tempoh Masa Yang Lama*".

Manakala satu lagi Pasukan KIK MPSJ telah terpilih ke Konvensyen Team Excellence Kebangsaan tahun 2014 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang akan berlangsung pada 24 - 26 November 2014 bertempat di Kuala Lumpur Convention Center (KLCC).

Pasukan yang akan mewakili MPSJ ialah Kumpulan EP (Jabatan Khidmat Pengurusan) yang akan mempertandingkan tajuk projek "*Pengurusan Permohonan Logistik Yang Kurang Efisien*".

Penyertaan MPSJ dalam konvensyen ini bukanlah sekadar inginkan kemenangan tetapi apa yang lebih penting adalah sebagai medium percambahan ilmu dan juga menimba pengalaman. Bersama-samalah kita memberi sokongan kepada ketiga-tiga pasukan yang akan mewakili MPSJ ini di peringkat Negeri dan juga peringkat Kebangsaan.

Pihak Pengurusan MPSJ mengucapkan selamat maju jaya kepada pasukan MPSJ dan semoga projek yang dipertandingkan ini dapat memberi kejayaan kepada MPSJ.

## **2.7 ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM (AISA) 2014**

Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) 2014 akan berlangsung pada 09 Oktober 2014 (Khamis), jam 2.00 petang hingga 4.30 petang bertempat di Grand Ballroom, The Place, One City, USJ 25, Subang Jaya.

Buat julung-julung kalinya MPSJ telah dipilih sebagai tuan rumah kepada acara peringkat kebangsaan ini yang dianjurkan oleh pihak MAMPU dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan. Majlis ini bertemakan "Melestarikan Inovasi, Memartabatkan Transformasi". Acara perasmian akan disempurnakan oleh **YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara (KSN)**.

Majlis ini akan turut dihadiri oleh Tetamu Kehormat iaitu YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan YBhg. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Dalam Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) 2014 ini, MPSJ telah disenarai pendek dalam kategori Pihak Berkuasa Tempatan buat kali ketiga berturut-turut.

Bersama-samalah kita berdoa agar penyertaan pada kali ini akan memberikan kejayaan sekaligus mengiktiraf MPSJ sebagai sebuah PBT yang meneraju, inovatif dan berprestasi tinggi.

## **2.8 KEJOHANAN SEPAK TAKRAW DAN BOLA TAMPAR MPSJ 2014**

Kejohanan ini adalah julung-julung kali diadakan secara bersama dan adalah menjadi hasrat dan harapan MPSJ untuk memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan jayanya demi kebaikan sukan Sepak Takraw dan Bola Tampar.

Penganjuran acara sukan ini juga dapat membantu golongan remaja dan belia dalam mengamalkan gaya hidup sihat dan memupuk semangat kesukanan dikalangan masyarakat. Program-program sukan seperti Sepak Takraw dan Bola Tampar ini boleh membantu golongan remaja dan belia memanfaatkan waktu lapang dan mengenengahkan bakat yang ada untuk diperkembangkan di peringkat yang lebih tinggi.

Kejohanan Sepak Takraw dan Bola Tampar MPSJ 2014 akan diadakan pada 11 Oktober 2014 (Ahad), bertempat di Stadium Tertutup MPSJ, Serdang Jaya bermula pada jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam.

## 2.9 LAPORAN DEMAM DENGGI

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 39 (iaitu sehingga 27 September 2014) adalah sebanyak 6000 kes denggi dilaporkan di kawasan MPSJ.

Terdapat lapan (8) kawasan 'hotspots' di kawasan pentadbiran MPSJ iaitu;

Lokaliti HOT SPOT MPSJ		JUMLAH KES
i.	SS 17/1, SUBANG JAYA	40
ii.	TAMAN PUCHONG UTAMA 12	35
iii.	PUSAT BANDAR PUCHONG (JALAN WAWASAN 2)	15
iv.	BANDAR BUKIT PUCHONG 1 (FLAT BANDAR BUKIT PUCHONG)	14
v.	SS 14/6, SUBANG JAYA	14
vi.	TAMAN EQUINE (PUTRA PERMAI APARTMENT)	12
vii.	PJS 9, BANDAR SUNWAY (PJS 9/2 - PJS 9/30)	8
viii.	USJ 18, SUBANG JAYA	6

Sehubungan itu, dalam memerangi kes denggi ini adalah menjadi harapan pihak Majlis agar penduduk perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.



Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan Kempen 10 Minit dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

Peringatan Mesra Kerajaan Negeri Selangor

“Wabak denggi semakin serius dan meningkat. Musnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan menghapuskan tempat menakung air di tempat kediaman dan tempat kerja. Jagalah kebersihan setiap hari, setiap masa, di mana jua”.

**2.10 PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM BAGI DRAF RANCANGAN TEMPATAN MPSJ (PENGUBAHAN 2) 2020.**

Majlis Perbandaran Subang Jaya sedang mengadakan pameran bagi Program Publisiti dan Penyertaan Awam bagi Draft Rancangan Tempatan MPSJ (Pengubahan 2) 2020. Kesemua 42 permohonan yang diterima sepanjang program publisiti awalan yang diadakan pada 17 Januari 2014 hingga 14 Februari 2014 (4 minggu) telah dipamerkan beserta dengan 13 senarai projek khas MPSJ.

Program Publisiti dan Penyertaan Awam ini akan berlangsung selama 4 minggu (hari bekerja) bermula pada 27 dan 28 September 2014 di Hotel e-City, One City, Subang Jaya bagi tujuan pameran dan perasmian dan seterusnya akan bersambung di Lobi Majlis Perbandaran Subang Jaya sehingga 11 November 2014.

Iklan dibuat di dalam 3 jenis akhbar tempatan iaitu *The Star*, Berita Harian serta Selangor Kini pada 3 tarikh yang berbeza iaitu 20 dan 27 September 2014 serta 04 Oktober 2014. Selain itu, iklan turut dimuat naik ke dalam laman web rasmi MPSJ.

Banner publisiti akan dipasang di semua Zon JKP MPSJ bagi memudahkan penyampaian maklumat berkenaan program ini kepada semua penduduk MPSJ.

Bantahan boleh dikemukakan oleh orang awam sepanjang tempoh program ini berlangsung melalui borang yang disediakan di tempat pameran atau melalui e-mail.

Selepas Program Publisiti dan Penyertaan Awam ini berakhir, kesemua bantahan yang diterima sepanjang tempoh program ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pendengaran dan Bantahan Awam yang dijangkakan akan berlangsung pada bulan Januari 2015.

## **2.11 KADAR FI PENGGUNAAN KAWASAN LAPANG MPSJ**

Berkuatkuasa mulai 01 Oktober 2014, semua penggunaan kawasan lapang oleh orang awam akan mula dikenakan fi. Fi yang dikenakan ialah bagi tujuan pengurusan dan pemantauan kawasan lapang.

<b>KATEGORI KAWASAN, PEMOHON &amp; KEGUNAAN</b>	<b>KADAR BAYARAN</b>	<b>DEPOSIT</b>
Kegunaan mingguan secara tetap – sekolah / persatuan	RM 10.00/jam (bayaran boleh dibuat secara pukal)	-
Penggunaan kawasan lapang oleh orang perseorangan / pengusaha Taska / Tadika untuk aktiviti: Kenduri Kahwin, Sukan Tadika / Taska	RM 150.00 (1 Hari)	RM 300.00

Penggunaan kawasan lapang oleh syarikat / swasta	RM 300.00 (1 Hari)	RM 600.00
Penggunaan kawasan lapang oleh Jabatan Kerajaan / Sekolah / JKP dan NGO	Tiada bayaran	RM 250.00

Permohonan mesti dikemukakan kepada pihak Majlis dalam tempoh selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum program / aktiviti diadakan. Pemulangan deposit adalah tertakluk kepada keadaan tapak selepas selesai program / aktiviti. Kekotoran dan kerosakan akan menyebabkan deposit tidak dipulangkan kepada pemohon.

Borang permohonan boleh didapati daripada Bahagian Landskap, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar atau dicetak melalui Portal MPSJ.

### 3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 07/2014 BERTARIKH 27 OGOS 2014.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 07/2014 bertarikh 27 Ogos 2014 telah disahkan tanpa pindaan.

### 4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

#### 4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 14/2014 Bertarikh 03 September 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 7.2.1 m.s 78	En. Pooi Weng Keong	Cadangan Pengeluaran Permit Sementara Tangga Kedua Yang Dipasang Di Lorong Belakang Bagi Hotel Bajet / Pusat Tuisyen / Tadika Di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya.	Beliau meminta supaya pihak Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 14/2014 memasukkan syarat-syarat kelulusan bagi Cadangan Pengeluaran Permit Sementara Tangga Kedua Yang Dipasang Di Lorong Belakang Bagi Hotel Bajet / Pusat Tuisyen / Tadika Di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya dalam minit mesyuarat.

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta pihak Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 14/2014 supaya memasukkan syarat-syarat kelulusan dan garis panduan tersebut di dalam minit mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 14/2014 seperti yang telah dipersetujui semasa mesyuarat tersebut dijalankan.</p>
2	para 7.2.2 m.s 78	En. Pooi Weng Keong	<p>Cadangan Pindaan Fi Permit Dan Garis Panduan Pelan Setara Bagi Sekatan Dalaman (Partition) Dan Pecahan Dinding Pemisah (Partywall) Untuk Bangunan Rumah Kedai / Kedai Pejabat Dan Kilang Teres Di Kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya.</p>	<p>Beliau meminta supaya pihak Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 14/2014 memasukkan syarat-syarat kelulusan bagi Cadangan Pindaan Fi Permit Dan Garis Panduan Pelan Setara Bagi Sekatan Dalaman (Partition) Dan Pecahan Dinding Pemisah (Partywall) Untuk Bangunan Rumah Kedai / Kedai Pejabat Dan Kilang Teres Di Kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya dalam minit mesyuarat.</p>

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta pihak Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 14/2014 supaya memasukkan syarat-syarat kelulusan dan garis panduan tersebut di dalam minit mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 14/2014 seperti yang telah dipersetujui semasa mesyuarat tersebut dijalankan.</p>
3	para 7.2.2 m.s 78	En. Yap Kok Weng	<p>Cadangan Pindaan Fi Permit Dan Garis Panduan Pelan Setara Bagi Sekatan Dalaman (Partition) Dan Pecahan Dinding Pemisah (Partywall) Untuk Bangunan Rumah Kedai / Kedai Pejabat Dan Kilang Teres Di Kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya.</p>	<p>Beliau meminta supaya pihak Majlis mengkaji semula keputusan berhubung perkara ini dan seterusnya meminta pertimbangan pihak Majlis supaya menangguhkan dahulu kelulusan berkaitan perkara ini sehingga ianya diputuskan semula oleh pihak Majlis.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memutuskan untuk mengekalkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 14/2014 berhubung</p>

				<p>kelulusan ke atas cadangan kertas mesyuarat ini seperti yang dicatatkan di dalam Minit Mesyuarat.</p> <p>Dato' Yang Dipertua seterusnya memaklumkan bahawa sebarang cadangan pindaan atau penambahbaikan ke atas syarat-syarat dan garis panduan berhubung perkara ini akan dikaji dari masa ke semasa mengikut keadaan semasa dan kesesuaian cadangan pindaan atau penambahbaikan tersebut untuk dilaksanakan oleh pihak Majlis di masa yang akan datang.</p>
--	--	--	--	---

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

**4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)  
Bil. 15/2014 Bertarikh 17 September 2014**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

#### 4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 07/2014 Bertarikh 02 September 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

#### Tindakan : Bahagian Audit Dalam

#### 4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 07/2014 Bertarikh 08 September 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 2.1 m.s 3	En. Michael Noel Jalleh	Penubuhan Jawatankuasa Khas Pengurusan Sisa Perdagangan (Sisa Restoran) Di Majlis Perbandaran Subang Jaya.	<u>Pindaan Minit :</u> Beliau memohon pindaan dibuat ke atas Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 07/2014 berhubung senarai keanggotaan Ahli Jawatankuasa Khas Pengurusan Sisa Perdagangan (Sisa Restoran) Di Majlis Perbandaran Subang Jaya.  Beliau memaklumkan



				<p>bahawa <b>Puan Norzaihan binti Ismail</b> merupakan ahli kepada jawatankuasa khas ini dan bukannya <b>Puan Rozaina binti Hamzih</b> seperti yang dicatatkan di dalam Minit Mesyuarat.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Pengurusan Alam Sekitar supaya mengambil maklum mengenai perkara ini dan membuat pindaan kepada Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 07/2014.</p>
2	Hal-Hal Lain	En. Chia Yew Ken	Kadar Fi Penggunaan Kawasan Lapang / Hijau Di Majlis Perbandaran Subang Jaya.	<p>Beliau meminta supaya pihak Majlis meneliti semula kesesuaian sesuatu kawasan lapang atau kawasan hijau yang dibenarkan penggunaannya kepada orang awam untuk mereka menjalankan aktiviti dan program di kawasan lapang / hijau tersebut.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta supaya Jabatan</p>

				<p>Pengurusan Alam Sekitar menetapkan kriteria kawasan lapang / hijau yang sesuai untuk digunakan oleh orang awam bagi menjalankan aktiviti dan program yang dibenarkan oleh pihak Majlis.</p> <p>Pihak Jabatan juga diminta untuk mengadakan perbincangan dengan Ahli Majlis dan JKP kawasan bagi memilih kawasan lapang / hijau yang sesuai untuk dibenarkan penggunaannya oleh orang awam dan penduduk setempat.</p> <p>Selain itu, pihak Jabatan juga perlu menyalurkan maklumat berhubung permohonan dan kelulusan penggunaan sesuatu kawasan lapang / hijau ini kepada Ahli Majlis kawasan.</p>
--	--	--	--	---

**Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar**

#### 4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 07/2014 Bertarikh 08 September 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.1 m.s 4	En. Pooi Weng Keong	Garis Panduan Projek Inden JKP MPSJ Bagi Pembinaan Kabin	Beliau memohon penjelasan berhubung garis panduan projek inden JKP MPSJ bagi pembinaan kabin.  <u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN) tidak menyediakan peruntukan untuk pembinaan kabin kepada Rukun Tetangga tetapi pihak JPNIN ada menyediakan peruntukan bantuan sewaan pejabat kepada Rukun Tetangga yang ditubuhkan oleh masyarakat setempat.  Walaubagaimana- pun peruntukan sebanyak RM2,000.00 sebulan tersebut diberikan

				<p>berdasarkan kepada penerimaan permohonan penyewaan premis daripada pihak Rukun Tetangga dan tertakluk kepada kuota Negeri.</p> <p>Sehubungan itu, Dato' Yang Dipertua menjelaskan bahawa pihak Majlis telah bersetuju untuk meluluskan permohonan pembelian dua unit kabin baru sahaja bagi peruntukan tahun 2014 iaitu untuk JKP Zon 1 (SS 15/2E) dan JKP Zon 3 (USJ 3/4P) memandangkan jawatankuasa Rukun Tetangga kawasan tersebut telah pun ditubuhkan.</p> <p>Justeru itu, Dato' Yang Dipertua turut memaklumkan bahawa peruntukan tersebut hanya diluluskan pada tahun ini sahaja dan di masa akan datang, pihak jawatankuasa Rukun Tetangga perlu memohon peruntukan sewaan pejabat daripada pihak Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN).</p>
--	--	--	--	---

				<p>Dato' Yang Dipertua juga memaklumkan bahawa perkara ini telah dibincangkan bersama Pengarah Pembangunan Masyarakat.</p>
2	para 5.1.2 m.s 7	Dato' Yang Dipertua	Penggunaan Lebihan Peruntukan Kerja Segera (INDEN) JKP MPSJ 2014	<p>Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 07/2014 pada 08 September 2014 telah meluluskan Kertas Cadangan - Penggunaan Lebihan Peruntukan Kerja Segera (Inden) JKP MPSJ 2014.</p> <p>Sehubungan itu, beliau mengingatkan kepada Ahli Majlis bahawa Mesyuarat telah bersetuju dengan tarikh akhir penghantaran permohonan daripada pihak JKP bagi permohonan perbelanjaan peruntukan kerja inden adalah sebelum atau pada 31 Oktober 2014 bagi mengelakkan kelewatan proses pembayaran.</p> <p>Mesyuarat juga telah bersetuju dengan cadangan permohonan</p>

				daripada JKP Zon lain yang ingin menggunakan peruntukan yang tidak dibelanjakan sehingga 31 Oktober 2014 adalah berdasarkan penghantaran permohonan terawal (“first come first serve”) bermula pada 01 November 2014 sehingga 15 November 2014.
--	--	--	--	---

**Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

**4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 07/2014 Bertarikh 15 September 2014**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	m.s 1	En. Yap Kok Weng	Senarai Kehadiran Mesyuarat	<u>Pindaan Minit</u> : Beliau memohon supaya pindaan dibuat kepada senarai kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 07/2014 kerana beliau sebenarnya tidak hadir semasa mesyuarat tersebut dijalankan.

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Kejuruteraan supaya mengambil maklum mengenai perkara ini dan membuat pindaan kepada Minit Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 07/2014.</p>
2	para 2.2 m.s 4	En. Keshminder Singh a/l K. Karam Singh	Taklimat – Ampang (AMG) Line Extension Project Oleh MRCB Engineering Sdn. Bhd.	<p>Beliau memohon perkembangan terkini berhubung tindakan ke atas status aduan dan perkara-perkara berbangkit yang telah dikemukakan kepada pihak MRCB Engineering Sdn. Bhd. berkenaan pelan pengurusan trafik yang dicadangkan oleh pihak MRCB Engineering Sdn. Bhd. bagi Stesen 10 dari Puchong Perdana ke IOI Mall.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Kejuruteraan untuk mengambil tindakan susulan mengenai perkara ini dan mendapatkan maklumbalas segera berhubung status tindakan ke atas senarai aduan dan perkara-perkara berbangkit yang telah dikemukakan</p>

				<p>kepada pihak MRCB Engineering Sdn. Bhd.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Kejuruteraan memaklumkan bahawa pihak Jabatan akan mengadakan perbincangan dengan pihak MRCB Engineering Sdn. Bhd. dalam waktu terdekat berhubung perkara ini bagi mengenalpasti kaedah dan alternatif yang sesuai untuk dilaksanakan dalam menyelesaikan isu-isu teknikal dan perkara-perkara berbangkit berkaitan projek ini.</p>
3	Hal-Hal Lain	En. Yap Kok Weng	Projek Pengukuhan Cerun Di Jalan Tiong, Bandar Puchong Jaya	<p>Beliau memohon maklumbalas terkini berkenaan projek pengukuhan cerun di Jalan Tiong, Bandar Puchong Jaya.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta tindakan segera daripada Jabatan Kejuruteraan untuk mendapatkan tarikh yang sesuai bagi mengadakan taklimat dan memberi penerangan kepada wakil penduduk dan Ahli Majlis kawasan berkenaan perkara ini</p>



				terutamanya bagi isu-isu teknikal yang melibatkan rekabentuk, struktur dan kaedah pengukuhan cerun yang akan dijalankan bagi projek ini.
4	Hal-Hal Lain	En. Yap Kok Weng	Insentif Inisiatif Hijau	<p>Beliau memohon pandangan daripada pihak Majlis berhubung cadangan untuk memberikan insentif kepada penduduk MPSJ yang mengambil bahagian di dalam program inisiatif hijau seperti pemasangan panel tenaga solar (solar panel) di premis kediaman atau bangunan di kawasan pentadbiran MPSJ.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa perkara ini masih lagi dalam peringkat kajian. Pihak Majlis perlu mengkaji perkara ini dengan lebih terperinci dan mengambil kira pelbagai aspek sebelum program inisiatif hijau ini dilaksanakan.</p> <p>Sehubungan itu, satu garis panduan dan kertas kerja berkaitan perkara ini akan dirangka terlebih dahulu sebelum</p>

				<p>sebarang keputusan selanjutnya diputuskan oleh pihak Majlis.</p> <p>Dato' Yang Dipertua seterusnya memaklumkan bahawa MPSJ sedang menyediakan pelan jangka panjang yang dikenali sebagai MPSJ Green City Plan 2030.</p> <p>Pelan ini dirancang bagi menyediakan dokumen perancangan strategik untuk menjadikan MPSJ sebagai Perbandaran Hijau menjelang 2030.</p> <p>Selain itu, bagi mengukuhkan usaha murni MPSJ ini, pihak Majlis juga telah merancang untuk menyediakan pelbagai program berkaitan Rangka Kerja Dan Penilaian Bandar Rendah Karbon (Low Carbon Cities Framework) di MPSJ.</p>
--	--	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Kejuruteraan**

**4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 07/2014 Bertarikh 15 September 2014**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Perbendaharaan**

**4.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 07/2014 Bertarikh 17 September 2014**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan**

**4.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 07/2014 Bertarikh 18 September 2014**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.2 m.s 5	Pn. Sazana binti Isa	Penempatan Bas Rapid KL Di Jalan Putra Permai 1B, Taman Equine	<p>Beliau memohon perkembangan terkini berhubung perkara ini dan meminta supaya pihak Majlis mengambil tindakan segera bagi menangani isu ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Timbalan Yang Dipertua memaklumkan bahawa satu lawatan tapak telah diadakan bersama Ahli Majlis kawasan untuk meninjau lokasi yang sesuai bagi cadangan penempatan Bas Rapid KL ini.</p> <p>Sehubungan itu, Jabatan Kejuruteraan akan membuat pengukuran semula ke atas lebar kawasan jalan tersebut dan membuat kajian teknikal berhubung kesesuaian lokasi tersebut untuk dijadikan lokasi penempatan Bas Rapid KL sebelum sebarang perakuan dibuat oleh pihak Jabatan berhubung isu ini.</p>

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta supaya Jabatan Kejuruteraan untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini dan memberikan keutamaan untuk menyelesaikan isu ini dengan segera.</p> <p>Pihak Jabatan seterusnya diminta untuk membuat kajian secara menyeluruh bagi melihat kaedah dan alternatif yang sesuai untuk dilaksanakan dalam menyelesaikan isu ini sebelum memperakukan cadangan lokasi yang sesuai bagi penempatan Bas Rapid KL ini.</p>
--	--	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Pelesenan**

## 5.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 5.1** Ucapan penangguhan diterima daripada Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh yang mewakili semua Ahli Majlis MPSJ. Beliau mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato' Asmawi bin Kasbi, Yang Dipertua MPSJ yang telah berjaya menerajui MPSJ sehingga MPSJ berjaya mencapai prestasi yang cemerlang dan telah dianugerahkan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan bertaraf 5 Bintang dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia.

Sehubungan itu, bersempena dengan persaraan Dato' Yang Dipertua MPSJ pada 17 Oktober 2014, beliau mewakili semua Ahli Majlis MPSJ sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato' Asmawi bin Kasbi di atas sumbangan, nasihat dan bimbingan yang diberikan oleh beliau sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Yang Dipertua di Majlis Perbandaran Subang Jaya. Sebagai mengakhiri ucapan beliau mengucapkan 'Selamat Bersara' dan "Selamat Maju Jaya" kepada YBhg. Dato' Asmawi bin Kasbi.

- 5.2** YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih di atas ucapan tersebut dan memaklumkan bahawa mengikut rekod, ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya yang terakhir dipengerusikan oleh beliau sebagai Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

Beliau seterusnya merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ yang telah memberikan komitmen yang tinggi serta sokongan padu kepada beliau sejak beliau menerajui MPSJ mulai 01 Jun 2011 sehingga sekarang.

Beliau turut merakamkan ucapan penghargaan kepada penduduk MPSJ yang telah memberikan kerjasama terhadap semua program anjuran MPSJ sehingga MPSJ mencapai taraf sebagai Pihak Berkuasa Tempatan terbaik di Malaysia dan mendapat penarafan 5 Bintang.

Sebagai mengakhiri ucapan, YBhg. Dato' Yang Dipertua mendoakan semoga Majlis Perbandaran Subang Jaya akan terus maju dan memacu lebih banyak kejayaan di masa-masa yang akan datang disamping terus meningkatkan usaha dan komitmen bagi memartabatkan kualiti penyampaian perkhidmatan ke tahap yang lebih tinggi sekaligus pada masa yang sama membina nama MPSJ sebagai sebuah PBT yang meneraju, inovatif, terunggul dan berprestasi tinggi.

- 5.3** YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

**'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(ABDULLAH BIN MARJUNID, A.I.S., A.M.S.)**  
Setiausaha Perbandaran  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(DATO' ASMAWI BIN KASBI, D.S.I.S., S.M.S.)**  
Pengerusi Mesyuarat  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**